

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL
RAHMAN [KUALA KRAI]**

TARIKH : 04 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

- (a) berapa jumlah pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang terus bekerja berbanding yang menyambung belajar ke kolej atau universiti; dan
- (b) apakah langkah Kerajaan untuk memberi peluang pendidikan kepada lepasan SPM yang terus bekerja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, berdasarkan Survei Tenaga Buruh (STB) 2018, penduduk bekerja yang berumur 18 tahun lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), di Malaysia ialah 99,600 orang. Penduduk bekerja yang berumur 18 tahun lepasan SPM, Malaysia, 2017 dan 2018 adalah seperti di Jadual 1. Manakala, Penduduk luar tenaga buruh yang berumur 18 tahun lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang masih belajar, Malaysia, 2017 dan 2018 adalah seperti di Jadual 2

Jadual 1

Penduduk bekerja yang berumur 18 tahun lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Malaysia, 2017 dan 2018

('000)

	2017	2018
Bilangan	88.4	99.6

Sumber: Survei Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2

Penduduk luar tenaga buruh yang berumur 18 tahun lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang masih belajar, Malaysia, 2017 dan 2018

('000)

	2017	2018
Bilangan	232.7	257.4

Sumber: Survei Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

Tuan Yang di-Pertua,

2. Jabatan Tenaga Manusia mempunyai 32 buah Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) yang menawarkan 963 kursus jangka pendek yang meliputi pelbagai bidang kemahiran untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pekerja sedia ada di industri termasuk kepada lepasan SPM yang terus bekerja. Kursus-kursus jangka pendek ini dibuka penyertaannya sepanjang tahun, dan waktu pelaksanaannya adalah fleksibel bermula daripada jam 8.00 pagi hingga 11.00 malam. Pelaksanaan kursus ini adalah berdasarkan kepada keperluan dan permintaan daripada peserta.

3. ILJTM membuat hebahan dan promosi secara berterusan berkaitan tawaran pelaksanaan kursus-kursus jangka pendek ini melalui pelbagai medium media massa dan media sosial.

Tuan Yang di Pertua,

4. Di samping itu, Kementerian Sumber Manusia melalui Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) telah melaksanakan inisiatif peluang pendidikan kepada pekerja-pekerja yang diliputi di bawah Akta PSMB 2001 termasuklah kepada lepasan SPM yang bekerja dengan majikan yang berdaftar dengan KWPSM bagi tempoh Januari 2019 hingga September 2019. Inisiatif tersebut adalah seperti berikut:

- a) Skim Bantuan Latihan (SBL) dan Skim Bantuan Latihan – Khas (SBL – Khas) memberi peluang kepada majikan untuk melatih pekerja lepasan SPM di dalam meningkatkan kemahiran selaras dengan keperluan industri mereka. KWPSM telah meluluskan latihan kepada 207,636 pekerja lepasan SPM dengan bantuan kewangan berjumlah RM93,881,915.00.
- b) Program *Recognition of Prior Experiential Learning* (RPEL) memberi peluang kepada pekerja lepasan SPM menyambung pengajian dengan persijilan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3, SKM Tahap 4 atau Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). KWPSM telah meluluskan 461 pekerja lepasan SPM bagi mengikuti persijilan ini dengan bantuan kewangan berjumlah RM314,820.00.
- c) Program SLDN-Perantisan di bawah Skim Inisiatif Strategik memberi peluang kepada lepasan SPM untuk menghadiri latihan bagi meningkatkan kemahiran dan seterusnya mendapat persijilan SKM daripada JPK. Pelatih akan diberikan elaun dan yuran latihan yang dibiayai sepenuhnya oleh KWPSM dan majikan berdaftar dengan KWPSM. Seramai 113 pekerja lepasan SPM telah mendapat latihan dengan bantuan kewangan berjumlah RM1,019,379.84.